

BAB 2

VOKAL DAN KONSONAN DIALEK TERENGGANU STANDARD

2.0 Pengenalan

Di dalam bab 2 ini, pengkaji akan menyentuh mengenai fonem-fonem vokal dan konsonan yang terdapat dan digunakan di dalam dialek Terengganu khususnya dialek di daerah Kuala Terengganu. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Asmah Haji Omar, (1988 : 288) subdialek yang dituturkan oleh penutur di Kuala Terengganu dianggap sebagai dialek Terengganu standard. [Sementara Abdul Hamid Mahmood, \(1990:219\)](#) berpendapat di antara dialek Terengganu dengan bahasa Malaysia baku terdapat dua kelainan yang ketara iaitu dalam aspek pengucapan dan fonem.


Pengkaji memilih untuk mengetengahkan dialek Kuala Terengganu adalah untuk menonjolkan pengetahuan asas mengenai dialek ini disebabkan oleh kampung dan mukim pengkajian pengkaji juga terletak di dalam daerah yang sama. Dalam dialek Kuala Terengganu terdapat sebanyak 28 fonem, iaitu 8 fonem vokal dan 20 fonem


konsonan, dibandingkan dengan 31 fonem yang terdapat dalam bahasa Malaysia baku, iaitu 6 fonem vokal dan 25 fonem konsonan.

Fonem vokal bagi dialek Terengganu ialah / i /, / e /, / ε /, / a /, / u /, / o /, / ɔ / dan / ə /. Manakala fonem konsonan pula ialah / p /, / b /, / t /, / d /, / k /, / g /, / ʔ /, / s /, / z /, / h /, / č /, / ʃ /, / l /, / γ /, / m /, / n /, / p /, / ɳ /, / w /, dan / y /. (Huraian terperinci boleh dilihat menerusi helaian berikutnya).

2.1 Fonem Vokal Dialek Kuala Terengganu

Dalam dialek Kuala Terengganu terdapat sebanyak 8 fonem vokal. Vokal dalam dialek Kuala Terengganu mempunyai 8 sistem vokal. Vokal-vokal itu ialah vokal hadapan, vokal tengah dan vokal belakang. Vokal hadapan sempit terdiri daripada vokal / i /, vokal belakang sempit / u /, vokal hadapan separuh sempit / e /, vokal hadapan separuh luas / ε /, vokal belakang separuh sempit / o /, vokal tengah separuh luas / ə /, vokal belakang separuh luas / ɔ / dan vokal depan luas / a /. (Abdul Hamid Mahmood, 1990:219). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Zalina Mohd Zalzali (2003), beliau menggambarkan kedudukan vokal dialek Kuala Terengganu adalah seperti Rajah 2.1 di bawah :





Rajah 2.1 : Kedudukan Vokal dialek Kuala Terengganu

2.1.2 Penghasilan Fonem Vokal Dialek Kuala Terengganu

Cara Sebutan	Depan	Tengah	Belakang
Sempit	i		u
Separuh sempit	e		o
Separuh luas	ɛ	ə	ɔ
Luas	a		

Jadual 2.2 : Cara Penghasilan Fonem Vokal Dialek Kuala Terengganu

Berdasarkan jadual yang tertera di atas, Abdul Hamid Mahmood (1990:220), menjelaskan dialek Terengganu mempunyai lapan fonem vokal iaitu empat vokal

depan, 3 vokal belakang dan satu vokal tengah. Dialek Kuala Terengganu mempunyai ke enam-enam vokal yang terdapat dalam bahasa Malaysia Standard dan ditambah dengan dua fonem vokal iaitu vokal /ɔ/ dan /ɛ/.

2.1.3 Penyebaran fonem-fonem vokal Dialek Kuala Terengganu adalah seperti berikut :

1. Vokal Hadapan Sempit /i/

Vokal hadapan sempit /i/ ini terhasil apabila hadapan lidah dinaikkan tinggi dengan tidak menyentuh lelangit keras tetapi lidah tidak menyekat aliran udara dari paru-paru. Bibir dalam keadaan hampar. Oleh itu bunyi yang dihasilkan melalui vokal hadapan sempit /i/ seperti yang terdapat dalam contoh :

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ ika? /	' ikat '
Tengah kata	/ sika? /	' sikat '

Akhir kata	/ lidi /	' lidi '
------------	----------	----------

2. Vokal hadapan separuh sempit / e /

Vokal / e / ini terhasil apabila lidah di bahagian hadapan dinaikkan dengan tidak menyentuh lelangit keras, manakala lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang rongga tekak untuk menyekat arus udara ke rongga hidung. Sementara bagi membolehkan udara yang keluar dari paru-paru boleh menggetarkan selaput suara pita suara dirapatkan. Bibir adalah dalam keadaan hampar. Bunyi yang dihasilkan oleh vokal hadapan sempit / e / seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut :

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	-	-
Tengah kata	/ aleh /	' alih'
Akhir kata	/ kate /	' katil '

3. Vokal hadapan separuh luas / ε /

Vokal / ε / terbentuk apabila lidah dinaikkan ke lelangit keras, tetapi tidak menyentuh lelangit keras, manakala hujung lidah pula tercecah pada gusi dan gigi sebelah bawah. Untuk menyekat arus udara yang keluar dari paru-paru melalui rongga

tekak ke rongga hidung, lelangit lembut dan anak tekak haruslah dinaikkan ke belakang rongga tekak. Sementara keadaan bibir dihamparkan. Bunyi yang dihasilkan ialah bunyi vokal hadapan separuh luas / ε / seperti yang terdapat dalam contoh-contoh berikut:

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ εkɔ /	' ekor '
Tengah kata	/ moleʔ /	' molek'
Akhir kata	/ lepe /	' leper '

4. Vokal hadapan luas / a /

Vokal belakang hadapan luas / a / terhasil apabila hadapan lidah dinaikkan sedikit menghala ke arah lelangit keras, manakala anak tekak dan lelangit lembut menutup rongga hidung. Sementara bagi membolehkan arus udara dari paru-paru dapat menggetarkan selaput udara, pita suara dirapatkan. Bibir pula dalam keadaan hampar. Bunyi yang dihasilkan ialah vokal hadapan luas / a / seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut :

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ abanj /	' abang '

Tengah kata	/ makan /	' makan '
Akhir kata	/ baka /	' bakal '

5. Vokal tengah /ə/

Vokal tengah /ə/ terhasil apabila bahagian tengah lidah dinaikkan ke arah pertemuan antara lelangit keras dan lelangit lembut manakala untuk menyekat arus udara ke rongga hidung lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan rapat ke belakang rongga. Sementara untuk membolehkan arus udara keluar dari paru-paru pita suara dirapatkan agar dapat menggetarkan selaput suara. Manakala bibir dibundarkan. Bunyi yang dihasilkan ialah vokal tengah /ə/ seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut :

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ əmah /	' emas '
Tengah kata	/ kəmah /	' kemas '
Akhir kata	/ matə /	' mata '

6. Vokal belakang sempit /u/

Dalam penghasilan bunyi vokal belakang sempit /u/, belakang lidah dinaikkan ke arah lelangit lembut untuk menyempitkan rongga mulut, manakala untuk membolehkan udara dari paru-paru dapat menggetarkan selaput suara lelangit lembut

dan anak tekak dinaikkan ke belakang rongga tekak. Sementara bagi membolehkan paru-paru dapat menggetarkan selaput udara pita suara dirapatkan. Bibir pula dalam keadaan bundar . Bunyi yang dihasilkan ialah vokal belakang sempit / u / seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut :

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ utoŋ /	' untung '
Tengah kata	/ kuku /	' kuku '
Akhir kata	/ duku /	' duku '

7. Vokal belakang separuh sempit / o /

Vokal belakang separuh sempit / o / terhasil apabila belakang lidah dinaikkan ke lelangit keras . Sementara pita suara pula dirapatkan supaya arus udara dapat menggetarkan selaput suara manakala bibir pula hendaklah dibundarkan. Bunyi yang dihasilkan ialah vokal belakang separuh sempit / o / seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	-	-

Tengah kata	/ suboh /	' subuh'
Akhir kata	/ dapo /	' dapur '

8. Vokal belakang separuh luas / ɔ /

Vokal belakang separuh luas / ɔ / dihasilkan apabila belakang lidah dinaikkan secara separuh luas ke arah langit lembut, manakala untuk menyekat arus udara ke rongga hidung, pita suara harus dirapatkan. Sementara untuk membolehkan arus udara dari paru-paru dapat menggetarkan selaput suara, pita suara harus dirapatkan. Bibir pula adalah dalam keadaan bundar. Bunyi yang dihasilkan ialah vokal separuh luas / ɔ / seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ ɔmɔ /	' umur '
Tengah kata	/ pakɔh /	' pangkah '
Akhir kata	/ lapo /	' lapar '

2.2 Fonem Konsonan Dialek Kuala Terengganu

Fonem konsonan dialek Terengganu mempunyai 20 fonem sahaja. Fonem konsonan dialek Terengganu terdiri daripada Plosif Bilabial Tak Bersuara /p/, Plosif Bilabial Bersuara /b/, Plosif Alveolar Tak Bersuara / t /, Plosif Alveolar Bersuara / d /, Plosif Velar Tak Bersuara /k/, Plosif Velar Bersuara /g/, Afrikat Palatal Tak Bersuara/ č/ Afrikat Palatal Bersuara / j /, Frikatif Glotis Bersuara /h/, Konsonan Frikatif Alveolar Tak Bersuara /s/ , Frikatif Alveolar Bersuara / z /, Frikatif Velar Bersuara / γ /, Lateral Alveolar Bersuara / l /, Nasal Bilabial Bersuara / m /, Nasal Alveolar Bersuara / n /, Nasal Palatal Bersuara / n̪ /, Nasal Velar Bersuara / ŋ / , Semi Vokal Bilabial Bersuara / w /, Semi Vokal Palatal Bersuara / y /, Hentian Glotis / ? /. (Abdul Hamid Mahmood , 1990:220).

2.2.1 Penghasilan Fonem Konsonan Dialek Kuala Terengganu

Daerah sebutan		Bilabial	Alveolar	Palato-alveolar	Palatal	Velar	Glotal
Cara sebutan							
Plosif	Tak bersuara	p	t			k	?
	Bersuara	b	d			g	

Afrikat	Tak bersuara				č		
	Bersuara				đ		
Frikatif	Tak bersuara		s			γ	
	Bersuara		z				h
Lateral			l				
Nasal		m	n		jn	ŋ	
Semi		w			y		
Vokal							

Jadual 2.3 : Cara Penghasilan Bunyi-bunyi Konsonan Dialek Kuala Terengganu

2.2.2 Penyebaran fonem-fonem konsonan dialek Terengganu dapat dilihat di bawah :

2.2.2.1 Konsonan Plosif

a) Konsonan Plosif Bilabial Tak Bersuara /p/

Bunyi konsonan / p / terhasil apabila bibir atas dan bawah dirapatkan yang menyebabkan tertahannya aliran udara dari paru-paru. Udara keluar ke rongga mulut

dari paru-paru tanpa menggetarkan pita suara. Dengan serta-merta sekatan pada dua bibir dilepaskan.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ pela? /	' pelat '
Tengah kata	/ kapa /	' kapal '
Akhir kata	-	-

b) Konsonan Plosif Bilabial Bersuara /b/

Bunyi konsonan / b / terhasil apabila arus udara keluar melalui rongga mulut dari paru-paru dengan menggetarkan pita suara. Manakala pita suara dirapatkan.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ bola /	' bola '
Tengah kata	/ səba? /	' sebab '
Akhir kata	-	-

c) **Konsonan Plosif Alveolar Tak Bersuara /t/**

Bunyi konsonan / t / terhasil apabila hujung lidah dirapatkan ke gusi atas. Udara yang tertahan di lepaskan dengan serta-merta. Sementara pita suara direnggangkan. Manakala arus udara keluar melalui rongga mulut tanpa menggetarkan pita suara.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ tikuh /	' tikus '
Tengah kata	/ bataŋ /	' batang '
Akhir kata	-	-

d) **Konsonan Plosif Alveolar Bersuara /d/**

Bunyi konsonan / d / terhasil apabila arus udara yang keluar melalui rongga mulut dari paru-paru dengan menggetarkan pita suara. Sementara pita suara dirapatkan.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ dəbə /	' debar '
Tengah kata	/ kəda /	' kedai '
Akhir kata	-	-

e) **Konsonan Plosif Velar Tak Bersuara /k/**

Bunyi ini dapat dihasilkan apabila belakang lidah dirapatkan ke lelangit lembut.

Udara yang tertahan dalam rongga mulut dilepaskan segera.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ kətarəj /	' ketam '
Tengah kata	/ dəka? /	' dekat'
Akhir kata	-	-

f) **Konsonan Plosif Velar Bersuara /g/**

Bunyi konsonan / g / dapat dihasilkan apabila belakang lidah dirapatkan ke lelangit lembut. Udara yang tertahan dilepaskan segera.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ gəlarəj /	' gelang '
Tengah kata	/ gigi /	' gigi'
Akhir kata	-	-

2.2.2.2 Konsonan Afrikat

a) Konsonan Afrikat Palatal Tak Bersuara /č/

Bunyi konsonan /č/ ini terhasil apabila anak tekak dan lelangit lembut dinaikkan ke belakang untuk menyekat arus udara dari paru-paru ke rongga hidung. Sementara pita suara direnggangkan. Udara yang tersekat oleh hadapan lidah dengan lelengit keras dilepaskan secara perlahan.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ čayi /	' cari '
Tengah kata	/ kačə /	' kaca'
Akhir kata	-	-

b) Konsonan Afrikat Palatal Bersuara /j/

Bunyi konsonan / j / ini terhasil apabila anak tekak dan lelangit lembut dinaikkan ke belakang untuk menyekat arus udara dari paru-paru ke rongga hidung. Sementara pita suara dirapatkan. Arus udara yang keluar melalui rongga hidung dari paru-paru dengan menggetarkan pita suara.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ jayon /	' jarum '

Tengah kata	/ γajə /	' raja'
Akhir kata	-	-

2.2.2.3 Konsonan Frikatif

a) Konsonan Frikatif Glotis Bersuara /h/

Bunyi konsonan / h/ terhasil dengan menyempitkan pita suara sehingga menyebabkan udara keluar secara bergeser di antara pita suara.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ hεyanj /	' hairan '
Tengah kata	/ lehə /	' leher'
Akhir kata	/ ləməh /	' lemah'

b) Konsonan Frikatif Alveolar Tak Bersuara /s/

Bunyi konsonan / s/ terhasil apabila hujung lidah dirapatkan ke arah sempadan gusi langit keras. Sementara udara yang melalui rongga mulut dari paru-paru tanpa menggetarkan pita suara. Manakala pita suara direnggangkan.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud

Awal kata	/ sayaq /	' sayang '
Tengah kata	/ bəsi /	' besi '
Akhir kata	-	-

c) **Konsonan Frikatif Alveolar Bersuara / z /**

Bunyi konsonan / z / terhasil apabila hujung lidah dinaikkan dengan menyentuh sedikit bahagian gusi. Sementara udara yang melalui rongga mulut dari paru-paru melalui penyempitan di antara daun lidah dan gusi. Manakala pita suara digetarkan.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ zakaʔ /	' zakat '
Tengah kata	/ lazaʔ /	' lazat '
Akhir kata	-	-

d) **Konsonan Frikatif Velar Bersuara / γ /**

Bunyi konsonan / γ / dapat dihasilkan apabila belakang lidah dirapatkan ke lelangit lembut sehingga berlaku penyempitan. Sementara udara dari paru-paru melalui rongga mulut dengan bergeser.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ γibu /	'ribu'
Tengah kata	/ kəγə/	'kera'
Akhir kata	-	-

2.2.2.4 Konsonan Lateral Alveolar Bersuara /l/

Bunyi konsonan /l/ terhasil apabila hujung lidah diangkatkan ke arah gusi atas.

Sementara udara dari paru-paru ditekan keluar melalui kiri dan kanan lidah.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ lamə /	'lama'
Tengah kata	/ lalaʔ/	'lalat'
Akhir kata	-	-

2.2.2.5 Konsonan Nasal

a) Konsonan Nasal Bilabial Bersuara /m/

Bunyi konsonan /m/ dapat dihasilkan apabila bibir atas dirapatkan dengan dengan bibir bawah. Sementara lelangit lembut hendaklah diturunkan dan mengeluarkan udara dari rongga hidung.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ minuj /	' minum '
Tengah kata	/ samə /	' sama '
Akhir kata	-	-

b) Konsonan Nasal Alveolar Bersuara / n /

Bunyi konsonan /n/ terhasil apabila hujung lidah dirapatkan ke gusi atas untuk menyekat arus udara. Sementara pita suara dirapatkan dan arus udara dilepaskan secara perlahan.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ naka /	' nakal '
Tengah kata	/ kənə /	' kena '
Akhir kata	-	-

c) Konsonan Nasal Velar Bersuara /ŋ/

Bunyi konsonan / η / terhasil apabila depan lidah dirapatkan kepada lelangit lembut dan udara dikeluarkan melalui rongga hidung.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ ηundi /	' mengundi'
Tengah kata	/ buŋa /	' bunga '
Akhir kata	/ lapaŋ /	' lapan '

d) Konsonan Nasal Palatal Bersuara /ɲ/

Bunyi konsonan / ɲ / terhasil apabila depan lidah dirapatkan kepada lelangit keras. Bagi membolehkan udara keluar, lelangit lembut hendaklah diturunkan.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ namŋ? /	' nyamuk '
Tengah kata	/ kəŋŋaŋ /	' kenyang '
Akhir kata	-	-

2.2.2.6 Konsonan Semi Vokal

a) **Konsonan Semi Vokal Bilabial Bersuara / w /**

Bunyi konsonan / w / dapat dihasilkan apabila keadaan bibir dibundarkan. Sementara bahagian belakang lidah hendaklah dinaikkan ke lelangit lembut. Sementara lelangit lembut dinaikkan ke belakang rongga tekak. Manakala pita suara digetarkan.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ wayanj/	' wayang'
Tengah kata	/ lewa?/	' lewat '
Akhir kata	-	-

b) **Konsonan Semi Vokal Palatal Bersuara / y /**

Bunyi konsonan ini dapat dihasilkan apabila keadaan bibir dihamparkan. Sementara hadapan lidah diangkat tinggi menuju ke arah gusi. Manakala lelangit lembut dinaikkan ke belakang lidah.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	/ yatenj/	' yatim'
Tengah kata	/ bayanj/	' bayang '
Akhir kata	-	-

2.2.2.7 Konsonan Hentian Glotis / ? /

Bunyi konsonan ini terhasil apabila pita suara dirapatkan dan tekanan udara dari paru-paru dilepaskan dengan serta-merta.

Lingkungan	Dialek Kuala Terengganu	Maksud
Awal kata	-	-
Tengah kata	so?mo	' selalu '
Akhir kata	pəkɔ?	' pekak '

2.3 Diftong Dialek Kuala Terengganu

Berdasarkan kajian Kamarudin Hj Husin et al, (1997: 77) dalam karyanya yang bertajuk *Ilmu Bahasa dan Kecekapan Berbahasa*, beliau menulis bahawa diftong menurut A.C Gimson (1980:128) ialah

'Are those which form a glide within one syllable. They may be said to have a first element (the starting point) and a second element (the point in the direction) of which the glide is made.'

Diftong ialah gabungan dua bunyi vokal yang disebut dalam satu suku kata akibat perubahan kedudukan lidah seperti ai, au, dan oi. Kamus Dewan (2007 : 350).

Dalam bahasa Malaysia, diftong dilambangkan sebagai / ai /, /au / dan / oi /.

Kamaruddin Hj Husin et al, (1997:78) mengatakan diftong dianggap sebagai satu suku kata dan dilambangkan oleh dua lambang vokal. Diftong mempunyai puncak kelantangan, iaitu pada vokal yang pertama dan diftong juga bertindak sebagai satu fonem. Penyebaran fonem diftong adalah seperti berikut :

Diftong	Awal	Tengah	Akhir
/ ai /	/ aiskrim /	/ ghairah /	/ pandai /
	/ aisin /	/ trailər /	/ kəldai /
/ au /	/ aurat /	/ daulat /	/ kalau /
	/ auto /	/ tauliah /	/ pulau /
/ oi /	/ oidium /	/ boikot /	/ amboi /
			/ kaloi /

Sementara itu , dialek Terengganu tidak mempunyai diftong. Namun begitu, terdapat perbezaan dari segi bunyinya di mana bunyi / ai / yang dilambangkan dengan huruf ai dalam sebutan bahasa Malaysia Standard dilafazkan dengan bunyi / a / di akhir kata dalam dialek Terengganu. Contohnya perkataan kedai dilafazkan / kəda /, perkataan rantai dilafazkan / ɻata / , perkataan pandai dilafazkan / paŋda /, perkataan gulai dilafazkan / gula /, perkataan sampai dilafazkan / sapa /.

Manakala bagi diftong / au / yang dilambangkan dengan huruf au dalam sebutan bahasa Malaysia Standard dilafazkan juga dengan bunyi / a / di akhir kata dalam dialek Terengganu. Contohnya perkataan pulau dilafazkan / pula /, perkataan kerbau dilafazkan / kuba /, perkataan pisau dilafazkan / pisa /, perkataan hijau dilafazkan / hija /. Manakala bunyi / oi / yang dilambangkan dengan bunyi oi dalam sebutan bahasa Malaysia Standard dilafazkan dengan bunyi / o / di akhir kata dalam dialek Terengganu. Contohnya perkataan amboi dilafazkan / ambo /, perkataan sepoi dilafazkan dengan bunyi /səpo/, perkataan kaloi dilafazkan dengan bunyi /kalo/.